



PEMBERITAHUAN

SEPUCUK SURAT GUNAKAN KEPALA SURAT MCMC PULAU PINANG ADALAH PALSU

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin memaklumkan, pihaknya telah menerima maklumat bahawa sepucuk surat menggunakan kepala surat MCMC Pulau Pinang berhubung maklum balas atas khidmat sokongan pengguna mengenai laman sesawang yang mengalami sekatan akses, telah disebarluaskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Bagaimanapun, ingin ditegaskan bahawa surat berkenaan adalah palsu dan pihak MCMC tidak pernah mengeluarkan surat sedemikian kepada orang ramai.

Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan tindakan oleh pihak-pihak tertentu yang menyebarkan surat, e-mel mahupun mesej yang tidak ditentukan kesahihannya. Pada masa yang sama, elak daripada membalaik mesej serta klik pada pautan dalam surat berkenaan.

Sekiranya terjumpa kandungan yang mencurigakan, laporkan perkara tersebut dengan segera agar tindakan susulan boleh diambil oleh pihak berkuasa.

**SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)
12 DISEMBER 2020**

www.mcmc.gov.my